



Lengkapkan ayat berikut dengan kata sendi nama yang betul. Menulis : TP3

- 1 Kempen kitar semula itu akan diadakan _____ sekolah saya pada hujung minggu ini.
- 2 Kapal terbang ini akan berlepas _____ Singapura sebentar lagi.
- 3 Cikgu Ikhsan yang baru berpindah ke sekolah ini berasal _____ Pahang.
- 4 Kerusi ukir itu diperbuat _____ kayu jati yang bermutu tinggi.
- 5 Syikin menghantar e-mel _____ sahabatnya yang tinggal di Sarawak.

- 6 _____ pendapat saya, cadangan yang dikemukakan itu bersesuaian dengan kehendak semasa.
- 7 Rakyat harus bersatu padu _____ keamanan dan kemakmuran negara.
- 8 Kedai buku itu terletak di _____ sebuah klinik dan sebuah restoran.
- 9 _____ kegawatan ekonomi ini, kita perlu bijak berbelanja.
- 10 Khairy rindu _____ keluarganya yang tinggal di kampung.